

KENYATAAN MEDIA:

PENGUMUMAN TRAFIK UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN MRT

PENUTUPAN LALUAN SEMENTARA SECARA BERPERINGKAT DI JALAN SG. BESI (ARAH UTARA)

Lokasi	Jalan Sg. Besi (arah Utara/Jalan Istana/Jalan Tun Razak)
Tarikh	28 Julai 2018 – 6 Ogos 2018
Jangka masa penutupan	10 hari
Tujuan penutupan	Memberi laluan untuk kerja-kerja pengorekan terowong

KUALA LUMPUR, 27 Julai 2018: MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT), kontraktor kerja bawah tanah untuk projek MRT Jajaran Sungai Buloh–Serdang–Putrajaya ingin mengumumkan pelan pengurusan trafik di Jalan Sungai Besi yang akan bermula pada 28 Julai 2018 selama seminggu.

Aktiviti ini akan dijalankan di kedua-dua arah Jalan Sungai Besi yang melibatkan penutupan sepanjang 50 meter bermula dari penghujung utara Lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban dan Lebuhraya Sungai Besi (Besraya) sebelum bertemu di Jalan Sungai Besi. Kawasan penutupan berhampiran dengan landasan kapal terbang Tentera Udara Sungai Besi dan Restoran Siu Siu. Dilampirkan bersama adalah peta bagi lokasi penutupan jalan tersebut.

Pelan pengurusan trafik ini perlu dilaksanakan untuk memberi laluan kepada kerja-kerja mengorek terowong MRT Jajaran Sungai Buloh–Serdang–Putrajaya yang akan dilaksanakan oleh mesin pengorek terowong dari bawah tanah Jalan Sungai Besi.

Sebahagian daripada pelan pengurusan trafik tersebut membabitkan penutupan dua laluan pada masa yang sama, bermula dari lorong paling kiri sehingga ke lorong paling kanan. Penutupan jalan ini akan berlaku secara berperingkat dan setiap penutupan akan mengambil masa selama 48 jam.

Pada masa yang sama, lebar lorong yang tidak ditutup akan berkurangan dan ini membolehkan jumlah lorong yang asal dikekalkan apabila penutupan dijalankan.

Mesin pengorek terowong akan melalui struktur geologi yang mencabar di bawah Jalan Sungai Besi dan pelan pengurusan trafik ini adalah sebahagian daripada langkah berjaga-jaga yang diambil oleh pihak MGKT.


MGKT ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa kepelbagaian usaha telah diambil dalam menaksir sebarang kebarangkalian di samping memastikan setiap langkah keselamatan dititikberatkan sebagai persediaan untuk mesin pengorek terowong (TBM) memulakan kerja-kerja pengorekan di bawah Jalan Sungai Besi.

Dengan pelan pengurusan trafik, kesesakan lalu lintas dijangka akan berlaku di sepanjang Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban. Pengguna jalan raya dinasihatkan agar menggunakan laluan alternatif sepanjang tempoh penutupan. Laluan alternatif akan dihuraikan di dalam carta dan peta yang dilampirkan.

Para pengguna jalan raya dinasihatkan agar mengikut papan tanda semasa mendekati kawasan penutupan. Pasukan Respon Kecemasan projek MRT akan ditugaskan bagi membantu kawalan lalu lintas.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari laman sesawang projek MRT di www.mymrt.com.my atau www.mymrt-underground.com.my, Twitter @MRTMalaysia atau @MRTUnderground, Facebook @MRTMalaysia atau @MRTUnderground atau sila hubungi talian MRT Hotline di 1-800-82-6868.

Pihak MGKT ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang tidak diingini.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd

Dr. Bhavani Krishna Iyer - 019 312 8303 / Bhavani@kvmrt-ug.com.my

Steven Austin – 010 226 5911 / StevenAustin@kvmrt-ug.com.my

LALUAN ALTERNATIF

ARAH LALUAN	LALUAN ALTERNATIF
Dari KL-Seremban Highway menghala ke Jalan Istana/Lebuhraya Sultan Iskandar (Jalan Mahameru)	<ul style="list-style-type: none"> - Sila gunakan Lebuhraya Hubungan Timur Barat, berhampiran bekas tapak Taman Tema Air, Taman Desa (Desa Water Park) - Rapat ke kiri berhampiran susur keluar Jalan Klang Lama - Belok ke kanan di lampu isyarat menghala ke Jalan Syed Putra. - Naik ke Jejantas di sebelah kiri untuk ke Jalan Damansara/Lebuhraya Sultan Iskandar.
Dari Lebuhraya KL_Seremban menghala ke Jalan Tun Razak	<p>Alternatif 1:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengguna kenderaan digalakkan untuk melalui Terowong SMART untuk menghala ke Jalan Tun Razak. <p>Alternatif 2:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sila gunakan Lebuhraya Hubungan Timur-Barat, , berhampiran bekas tapak Taman Air Desa (Desa Water Park) - Rapat ke kiri berhampiran susur keluar Jalan Klang Lama - Belok ke kanan di lampu isyarat menghala ke Jalan Syed Putra. - Naik ke Jejantas di sebelah kiri untuk menghala ke Jalan Istana dan keluar ke susur kiri untuk ke Jalan Tun Razak. <p>Alternatif 3:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Keluar ke New Pantai Expressway (NPE) berhampiran susur keluar Kuchai Lama menghala ke Bangsar melalui Toll B di Pantai Dalam - Terus memandu ke Jalan Bangsar dan Jalan Travers - Sila ambil susur ke kiri selepas Muzium Negara untuk ke Jalan Damansara. - Terus ke Jalan Istana dan keluar ke susur kiri untuk ke Jalan Tun Razak.
Dari Lebuhraya Hubungan Timur-Barat KL menghala ke Jalan Tun Razak	<p>Sila gunakan terowong SMART yang menghala ke arah pusat bandaraya.</p>
Dari Lebuhraya Hubungan Timur-Barat KL menghala ke Jalan Istana/Lebuhraya Sultan Iskandar (Jalan Mahameru)	<ul style="list-style-type: none"> - Sila gunakan Jalan Desa Bakti sebagai laluan keluar alternatif dari arah Taman Desa. - Lakukan pusingan U pandu terus ke arah Petaling Jaya. - Gunakan lorong paling kiri bagi menuju ke arah Jalan Klang Lama. - Belok ke kanan selepas menyelusuri lampu isyarat untuk menuju ke arah Jalan Syed Putra. - Naik jejantas di sebelah kiri untuk menuju ke arah Jalan Damansara / Lebuhraya Sultan Iskandar.